

**Bubuh nama syurga, tetapi kalau dia neraka, neraka jugalah — Dr. Mahathir**

# Parti guna nama Islam tak dilarang

UM 13 NOV 1984

**KUALA LUMPUR 12 Nov.** — **batuk Sri Dr. Mahathir Mohamad** berkata, kerajaan tidak berhasrat untuk mengharamkan parti politik yang menggunakan 'nama Islam, kerana "perubahan nama tidak dapat menyelesaikan masalah."

"Bubuh nama syurga, tetapi kalau dia neraka, neraka jugalah," jawabnya kepada pertanyaan para pemberita sambil ketawa dalam sidang akhbar di Lapangan Terbang Tentera Udara Diraja Malaysia di Sungai Besi, sekembalinya dari iawatan ke Maldives petang ini.

Ketika ditanya pandangannya mengenai desakan orang ramai supaya parti yang menggunakan nama Islam diharamkan, Perdana Menteri menjelaskan: "Pengharaman parti tersebut tidak perlu kerana apa yang berlaku sekarang ialah golongan yang menggunakan Islam untuk mencapai perjuangan politikinya dan ini tidak ada kena-mengena dengan nama."

Menurutnya, perkara pengharaman parti politik yang menggunakan nama Islam itu pernah dibincangkan dalam mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO dan ketetapan telah diambil supaya ia tidak diharamkan.

Perdana Menteri berkata, bukan nama parti yang menyebabkan berlakunya masalah, tetapi puncanya ialah golongan yang menggunakan agama untuk politik dan kepentingan sendiri.

Oleh itu, katanya, tidak ada gunanya parti yang menggunakan nama Islam itu diharamkan sedangkan golongan yang sama dapat bergcrak atau menjalankan kegiatan yang sama atas nama lain.

Berikutan pencedahan kertas putih mengenai kegiatan golongan-golongan pelampau agama termasuk ahli-ahli dan penyokong-penyokong PAS Jumaat lalu, orang ramai yang ditinjau pendapat mereka telah mendesak supaya Parti (PAS) yang menggunakan nama Islam diharamkan.

Mengenai kehendak Parti DAP yang mahukan supaya kertas putih itu dibahaskan, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad membcritahu, semua orang berpeluang untuk menyatakan pandangan masing-masing tetapi DAP selalunya bercakap bercanggah dengan tajuk yang hendak dibahaskan.

DAP, tegas beliau, akan bercakap mengenai berbagai-bagai masalah yang tidak ada kaitan dengan tajuk perbahasan sekiranya kehendak mereka diterima. Datuk Sri Dr. Mahathir juga mengesahkan tentang hasrat Duta Besar Malaysia ke Indonesia, Datuk Mohamad Rahmat yang ingin meletakkan jawatan yang disandang sekarang.

Beliau menjelaskan, perletakkan jawatan itu adalah atas kehendak Datuk Mohamad Rahmat sendiri memandangkan beliau telah berkhidmat dengan kerajaan selama hampir 20 tahun.

Ketika ditanya mengenai laporan akhbar Sunday Times di London kelmarin bahawa Pcrbadanan Perusahaan Waja British tidak lagi menerima tempahan yang bernilai berjuta-juta pound dari Malaysia sebagai tindak-balas sengketa antara MAS dan British Airways, beliau menegaskan, "saya

tidak tahu menahu mengenai perkara tersebut dan laporan itu adalah tidak benar."

Laporan Sunday Times itu juga menyatakan bahawa Malaysia kini membeli waja yang diperlukan dari Poland dan sengketa tersebut masih tetap menjadi 'duri dalam daging' yang merosakkari hubungan baik Malaysia dan Britain.

Perdana Menteri menjelaskan, Malaysia tidak hanya membeli barangan dengan sebuah negara sahaja memandangkan faktor harga dan perdagangan yang seimbang turut diambil kira.

Mengenai kunjungan beliau ke Maldives untuk menyertai upacara perasmian Masjid Sultan Mohamed Thakurutaan Al-Azam dan Pusat Islam, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, Malaysia turut menyumbangkan sejumlah setengah juta ringgit kepada Kerajaan Maldives untuk menjayakan kedua projek itu.